

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20 Mac 2017

SOALAN

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kejadian jenayah seperti penderaan kanak-kanak yang berlaku di taska dan pusat jagaan kanak-kanak di negara ini dan tindakan-tindakan yang dibuat dalam menanganinya.

JAWAPAN

Saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN pada 8 Mac 2017, YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN pada 20 Mac 2017 dan YB DATO' DR. TAN KEE KWONG pada 30 Mac 2017 bersekali kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait. Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) dipertanggungjawabkan menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, Akta Pusat Jagaan 1993, Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Prosedur operasi standard (SOP) yang digunakan oleh KPWKM untuk memastikan keselamatan kanak-kanak yang ditempatkan di pusat jagaan kanak-kanak dalam keadaan yang selamat adalah berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Setiap pengusaha TASKA dan pengendali pusat jagaan hendaklah mematuhi keperluan dan kehendak yang dinyatakan di dalam peraturan yang telah ditetapkan. Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan pusat jagaan termasuk pusat jagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh pihak swasta berada di tahap keselamatan yang tinggi, Kementerian menjalankan pemantauan ke pusat jagaan berkaitan. Di antara bentuk pemantauan yang dijalankan ialah : 1) Menjalankan aktiviti pengesanan ke Pusat Jagaan dan TASKA tidak berdaftar sepanjang masa dan memberi peringatan supaya berdaftar dengan JKJ; 2) Menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke premis Pusat Jagaan dan TASKA oleh Pegawai Diberikuasa; 3) Mengambil tindakan penguatkuasaan seperti di dalam peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 seperti Arahan Bertulis, Tutup Sementara, Batal Pendaftaran, Lak, Kompaun dan menjalankan pendakwaan di Mahkamah. Dari Januari sehingga Disember 2016, JKJ telah mengeluarkan Arahan Bertulis kepada 42 buah TASKA dan 16 buah pusat jagaan, 9 buah TASKA dan 3 buah pusat jagaan diambil tindakan lak, 14 buah TASKA dan 4 buah pusat jagaan dikenakan tindakan kompaun, 3 buah TASKA dikenakan tindakan tutup sementara, 53 buah TASKA dan 18 buah pusat jagaan dibatalkan pendaftaran, dan 10 buah TASKA dan 9 buah pusat jagaan telah didakwa. Tuan Yang Dipertua, Langkah dan tindakan berbentuk advokasi, pemantauan, kawalan dan punitif sememangnya menjadi keutamaan bagi menangani isu-isu keselamatan dan perlindungan ke atas kanak-kanak. Antara tindakan yang diambil oleh pihak kementerian dalam usaha menangani kes jenayah di TASKA dan pusat jagaan adalah seperti berikut: 1) Menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke atas TASKA dan pusat jagaan oleh Pegawai DiBeri Kuasa (PDBK); 2) Mengenakan tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha TASKA dan pengendali pusat jagaan yang melanggar Akta TASKA 1984 [Akta 308] dan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] serta peraturan-peraturan yang berkaitan; 3) Membuat pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 dengan mengenakan hukuman yang lebih tinggi kepada pesalah; 4) Mewujudkan Task Force Ramping Up The ECCE Industry (Task Force ECCE) yang berperanan untuk menangani isu-isu di TASKA termasuklah isu keselamatan dan penderaan kanak-kanak; 5) Menjalankan Audit Pematuhan TASKA ke atas 600 buah TASKA berdaftar di seluruh Malaysia bagi memastikan TASKA menyediakan perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan yang berkualiti serta mematuhi Akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan; 6) Mengadakan program advokasi seperti Program Jom Daftar untuk menggalakkan pengusaha TASKA dan pengendali pusat jagaan mendaftarkan operasi mereka dengan JKJ; dan 7) Bekerjasama dengan pihak media dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam membantu meningkatkan kesedaran awam tentang isu-isu keselamatan dan perlindungan kanak-kanak.

